Kementerian Kesihatan
Malaysia

KURANG MASIN

MANUAL PENGGUNAAN BAHAN PENDIDIKAN KESIHATAN

Penjagaan Pemakanan Dalam Pengawalan Pengambilan Garam

Edisi Pertama 2018

MANUAL PENGGUNAAN BAHAN PENDIDIKAN KESIHATAN

Penjagaan Pemakanan Dalam Pengawalan Pengambilan Garam

Kementerian Kesihatan
Malaysia

KURANG MASIN

Hak cipta terpelihara Kementerian Kesihatan Malaysia

Hak cipta terpelihara Kementerian Kesihatan Malaysia. Tiada bahagian dalam dokumen ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kedalam sebarang bentuk atau sebarang alat juga, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran dari pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Edisi Pertama 2018

Penyunting:
Dr. Feisul Idzwan b Mustapha
Dr. Noor Raihan bt Khamal

Diterbitkan oleh:
Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit
Bahagian Kawalan Penyakit
Aras 2, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
Malaysia

Tel : +603-8892 4412 Fax: +603-8892 4526
Laman Sesawang: http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/1937

ISBN: 978-967-2173-09-0

Penerbitan ini disokong oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia
World Health Organization (WHO) Malaysia

Namun pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia tidak menjamin bahawa maklumat yang terkandung di dalam penerbitan ini adalah lengkap dan betul serta tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang ditanggung akibat penggunaannya.

KANDUNGAN

	Muka Surat
Pengenalan	1
Kandungan Bahan Pendidikan Kesihatan Penjagaan Pemakanan Dalam Pengawalan Pengambilan Garam	2
Kumpulan Sasaran	2
Ringkasan Isi Kandungan Manual, Objektif, Kaedah, Cadangan dan Tempoh Masa Penggunaan	3
Modul 1: Infografik	12
Modul 2: Poster	13
Modul 3: *Slide* Pembentangan Kurangkan Garam	18
Modul 4: Video Garam dan Kesihatan	19
Modul 5: Video Demonstrasi Memasak #SedapTakSemestinyaMasin	20
Modul 6: Buku Resipi Memasak #SedapTakSemestinyaMasin	21
Modul 7: *Booklet* Panduan Pengiraan Sodium	22
Modul 8: Tahap Pengetahuan, Sikap dan Amalan *(Knowledge, Attitude and Practice*, KAP)	23
Kumpulan Jawatankuasa Teknikal Penyediaan Manual	35
Rujukan	37

PENGENALAN

Pengurangan pengambilan garam merupakan salah satu intervensi utama yang sangat kos efektif dalam Pelan Tindakan Global (GAP) untuk Pencegahan dan Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) yang telah dipersetujui dalam Perhimpunan Kesihatan Sedunia pada tahun 2013 (WHA 2013). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menetapkan bahawa target bagi pengurangan garam bagi populasi adalah pengurangan 30% menjelang tahun 2025.

Bagi mencapai target WHO, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah merangka polisi atau strategi bagi pengurangan pengambilan garam populasi yang bertajuk "*Salt Reduction Strategy To Prevent and Control* NCD*"* (2015-2020). Strategi ini telah diringkaskan dalam 3 komponen utama iaitu (*MAP-Monitoring, Awareness and Product*). Target utama bagi program pengurangan pengambilan garam di Malaysia adalah pengurangan daripada 8.7 gram sehari ke 6.0 gram sehari menjelang tahun 2025 untuk menjawab 30% penurunan yang telah ditetapkan oleh WHO.

Bagi mencapai keperluan strategi A (*Awareness*), indikator yang diperlukan dengan menyediakan *Tool Kit* dan kajian KAP, Bahagian Kawalan Penyakit KKM dengan kolaborasi pelbagai bahagian iaitu WHO, Institut Kesihatan Umum IKU, Perkhidmatan Dietetik, Bahagian Pemakanan, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Bahagian Pendidikan Kesihatan dan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan telah membuat satu program intervensi pengurangan garam yang mana telah menyediakan beberapa pakej intervensi yang melibatkan penyediaan bahan-bahan intervensi berupa pelbagai bentuk seperti infografik / poster, *slide* pendidikan, video *doodle*, buku resipi dan video demonstrasi memasak rendah garam dan risalah. Bahan-bahan intervensi ini telah dirintiskan penggunaannya di kalangan anggota kesihatan KKM di ibu pejabat dan keberkesanannya telah dikaji dalam bentuk kajian dimana perubahan KAP bagi sampel kajian telah diukur sebelum dan selepas intervensi menggunakan bahan-bahan pendidikan yang disediakan ini. Selain itu bahan-bahan intervensi yang disediakan ini juga telah mendapat input teknikal dan penambahbaikan dari ahli akademi dan jawatankuasa teknikal terutama selepas kajian dijalankan.

Bahan-bahan intervensi yang telah dirintiskan penggunaannya di kalangan anggota kesihatan ini, selepas ini akan digunakan sebagai bahan utama dalam program kesedaran dan pendidikan berterusan untuk pelbagai sasaran bukan sahaja di tempat kerja tetapi boleh digunakan di tempat lain seperti di komuniti, hospital, klinik, sekolah, institusi pengajian tinggi dan tempat-tempat lain mengikut kesesuaian.

Manual Penggunaan Bahan Pendidikan Kesihatan Penjagaan Pemakanan Dalam Pengawalan Pengambilan Garam ini disediakan dengan tujuan untuk memberi panduan kepada anggota kesihatan, sukarelawan dan individu atau kumpulan tertentu yang akan melaksanakan program, intervensi atau pendidikan kesihatan untuk pengawalan pengambilan garam dengan menggunakan bahan pendidikan yang telah disediakan.

Akhir kata diharap bahan pendidikan ini akan dapat memastikan indikator atau sasaran untuk strategi *Awareness* yang telah di tetapkan dalam *Plan of Action For Salt Reduction in Malaysia* 2015-2020 dapat dilaksanakan dan tercapai.

KANDUNGAN BAHAN PENDIDIKAN KESIHATAN PENJAGAAN PEMAKANAN DALAM KAWALAN PENGAMBILAN GARAM

Bahan-bahan pendidikan kesihatan yang terkandung dalam manual ini adalah :

- Infografik
- Poster
- *Slide* Pembentangan Kurangkan Garam
- Video Garam dan Kesihatan
- Video Demonstrasi Memasak #SedapTakSemestinyaMasin
- Buku Resipi Masakan #SedapTakSemestinyaMasin
- *Booklet* Panduan Pengiraan *Sodium*
- Borang Penilaian Pengetahuan, Sikap dan Amalan *(Knowledge, Attitude and Practice*, KAP)

KUMPULAN SASARAN

Manual ini boleh digunapakai oleh semua anggota kesihatan serta individu seperti berikut :

- Pegawai Perubatan
- Pegawai Dietetik
- Pegawai Sains Pemakanan
- Pegawai Penerangan (Kesihatan)
- Anggota Paramedik
- Anggota Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
- Sukarelawan komuniti (KOSPEN, KOSPEN Plus, etc)
- Pelajar Insitusi Pendidikan (Sekolah, IPTA / IPTS, Teknik / Vokasional & Kesihatan)

JADUAL 1 : KUMPULAN SASARAN

Kumpulan Sasaran Mengikut Bahan	Pegawai Dietetik	Pegawai Sains Pemakanan	Doktor	Pegawai Penerangan (Kesihatan)	Anggota Paramedik	Anggota Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu	Sukarelawan Komuniti	Pelajar Institut Pendidikan (cth: IPT/ Sekolah
Infografik (No 1-15)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Infografik (No 16-19)	✓	✓						
Poster	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Slide Pembentangan Kurangkan Garam	✓	✓	✓					
Video Garam dan Kesihatan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Video Demonstrasi Memasak #SedapTakSemestinyaMasin	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Buku Resipi Masakan #SedapTakSemestinyaMasin	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Booklet Panduan Pengiraan *Sodium*	✓	✓						
Borang Penilaian Pengetahuan, Sikap dan Amalan (*Knowledge, Attitude and Practice, KAP*)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

RINGKASAN ISI KANDUNGAN MANUAL, OBJEKTIF, KAEDAH, CADANGAN DAN TEMPOH MASA PENGGUNAAN

Bahan Pendidikan	Topik	Objektif	Isi Kandungan	Kaedah Pembelajaran / Cadangan Penggunaan	Tempoh Masa Dalam Setahun
Infografik	1.	Menerangkan epidemiologi terkini berkenaan penyakit hipertensi di Malaysia di kalangan penduduk dewasa	Adakah Anda Salah Seorang Penghidap Hipertensi? (Infografik 1)	• TV pendidikan di hospital, klinik kesihatan, institusi kerajaan, kafeteria, kaunter / ruang tempat menunggu • Media sosial (*Facebook, Twitter, Instagram, Whatsapps, Blogger, Youtube, website,* portal *Myhealth*, email) • Pameran kesihatan	6 Bulan Sepanjang masa 1 Minggu
	2.	Definisi dan prevalen penyakit hipertensi di kalangan penduduk dewasa di Malaysia	Ambil Tahu Tekanan Darah Anda (Infografik 2)		
	3.	Menyenaraikan penyakit-penyakit yang berisiko akan berlaku disebabkan oleh penyakit hipertensi yang tidak terkawal	Komplikasi Penyakit Hipertensi (Infografik 3)		
	4.	Menerangkan kaitan pengambilan garam secara berlebihan dengan peningkatan tekanan darah	Komplikasi Pengambilan Garam Terhadap Tekanan Darah dan Jantung (Infografik 4)		
	5.	Menyenaraikan bukti saintifik mengenai kebaikan pengurangan pengambilan garam kepada kesihatan tubuh badan	Manfaat Pengurangan Garam Terhadap Kesihatan (Infografik 5)		
	6.	Menerangkan definisi garam	Apa Itu Garam? (Infografik 6)		
	7.	Menyatakan saranan pengambilan garam dalam sehari berdasarkan saranan WHO, 2012	Saranan Pengambilan Garam Sehari (Infografik 7)		
	8.	Menjelaskan sumber garam dalam makanan seharian	Ketahui Sumber Garam Dalam Diet Seharian Anda (Infografik 8)		
	9.	Menyenaraikan jenis-jenis garam yang biasa terdapat di pasaran dan kandungan *sodium* di dalam garam-garam tersebut	Keliru Dengan Jenis Garam Berbeza (Infografik 9)		

Bahan Pendidikan	Topik	Objektif	Isi Kandungan	Kaedah Pembelajaran / Cadangan Penggunaan	Tempoh Masa Dalam Setahun
Infografik	10.	Memberi pemahaman tentang kandungan *sodium* pada label makanan dengan merujuk kepada Panduan Pelabelan dan Akuan Pemakanan	Baca Label Makanan (Infografik 10)	• TV pendidikan di hospital, klinik kesihatan, institusi kerajaan, kafeteria, kaunter / ruang tempat menunggu • Media sosial *(Facebook, Twitter, Instagram, Whatsapp, Blogger, Youtube,* website, portal *Myhealth*, email) • Pameran kesihatan	6 Bulan Sepanjang masa 1 Minggu
	11.	Menyenaraikan nama lain yang biasa digunakan bagi garam dalam pelabelan makanan	Di Mana Garam Tersembunyi? (Infografik 11)		
	12.	Menyenaraikan contoh-contoh makanan yang tinggi garam berdasarkan pada kategori makanan	Makanan Tinggi Garam (Infografik 12)		
	13.	Panduan mengurangkan garam semasa memasak	Tips Kurangkan Garam Semasa Memasak (Infografik 13)		
	14.	Panduan mengurangkan garam semasa membuat pilihan makanan	Tips Kurangkan Garam Semasa Membuat Pilihan (Infografik 14)		
	15.	Panduan mengurangkan garam semasa makan	Tips Kurangkan Garam Semasa Makan (Infografik 15)		
	16.	Menerangkan definisi Pengiraan *Sodium*	Pengiraan *Sodium* (Infografik 16)		
	17.	Menyenaraikan contoh-contoh makanan yang biasa diambil oleh rakyat Malaysia mengikut bilangan *point sodium*	Makanan Malaysia Mengikut *Point Sodium* (Infografik 17)		
		Menyenaraikan contoh-contoh makanan berdasarkan 1 *point sodium*	Satu *Point Sodium* (Infografik 17)		
		Memberi contoh menu dalam sehari mengikut saranan pengiraan *sodium* sebanyak 10 *point* (2000mg *sodium*)	Hidangan 2000mg *Sodium* (10 *Point*) (Infografik 17)		

Rujuk Modul 1 (muka surat 12) dan DVD untuk infografik yang telah disediakan

Bahan Pendidikan	Topik	Objektif	Isi Kandungan	Kaedah Pembelajaran / cadangan Penggunaan	Tempoh Masa Dalam Setahun
Poster	1.	Menerangkan epidemiologi terkini berkenaan penyakit hipertensi di Malaysia di kalangan penduduk dewasa	Adakah Anda Salah Seorang Penghidap Hipertensi? (Poster 1)	• TV pendidikan di hospital, klinik kesihatan, Institusi kerajaan, kafeteria, kaunter / ruang tempat menunggu • Media sosial (*Facebook, Twitter, Instagram, Whatsapp, Blogger, Youtube*, website, portal *Myhealth*, email) • Pameran kesihatan	6 Bulan Sepanjang masa 1 Minggu
	2.	Definisi dan prevalen penyakit hipertensi di kalangan penduduk dewasa di Malaysia	Ambil Tahu Tekanan Darah Anda (Poster 2)		
	3.	Menyenaraikan penyakit-penyakit yang berisiko akan berlaku disebabkan oleh penyakit hipertensi yang tidak terkawal	Komplikasi Penyakit Hipertensi (Poster 3)		
	4.	Menerangkan kaitan pengambilan garam secara berlebihan dengan peningkatan tekanan darah	Komplikasi Pengambilan Garam Terhadap Tekanan Darah dan Jantung (Poster 4)		
	5.	Menyenaraikan bukti saintifik mengenai kebaikan pengurangan pengambilan garam kepada kesihatan tubuh badan	Manfaat Pengurangan Garam Terhadap Kesihatan (Poster 5)		
	6.	Menerangkan definisi garam	Apa Itu Garam? (Poster 6)		
	7.	Menyatakan saranan pengambilan garam dalam sehari berdasarkan saranan WHO, 2012	Saranan Pengambilan Garam Sehari (Poster 7)		
	8.	Menjelaskan sumber garam dalam makanan seharian	Ketahui Sumber Garam Dalam Diet Seharian Anda (Poster 8)		
	9.	Menyenaraikan jenis-jenis garam yang biasa terdapat di pasaran dan kandungan *sodium* di dalam garam-garam tersebut	Keliru Dengan Jenis Garam Berbeza (Poster 9)		

Bahan Pendidikan	Topik	Objektif	Isi Kandungan	Kaedah Pembelajaran / Cadangan Penggunaan	Tempoh Masa Dalam Setahun
Poster	10.	Memberi pemahaman tentang kandungan *sodium* pada label makanan dengan merujuk kepada Panduan Pelabelan dan Akuan Pemakanan	Baca Label Makanan (Poster 10)	• TV pendidikan di hospital, klinik kesihatan, institusi kerajaan, kafeteria, kaunter / ruang tempat menunggu • Media sosial (*Facebook, Twitter, Instagram, Whatsapp, Blogger, Youtube,* website, portal *Myhealth*, email) • Pameran kesihatan	6 Bulan Sepanjang masa 1 Minggu
	11.	Menyenaraikan nama lain yang biasa digunakan bagi garam dalam pelabelan makanan	Di Mana Garam Tersembunyi? (Poster 11)		
	12.	Menyenaraikan contoh-contoh makanan yang tinggi garam berdasarkan pada kategori makanan	Makanan Tinggi Garam (Poster 12)		
	13.	Panduan mengurangkan garam semasa memasak	Tips Kurangkan Garam Semasa Memasak (Poster 13)		
	14.	Panduan mengurangkan garam semasa membuat pilihan makanan	Tips Kurangkan Garam Semasa Membuat Pilihan (Poster 14)		
	15.	Panduan mengurangkan garam semasa makan	Tips Kurangkan Garam Semasa Makan (Poster 15)		
	16.	Menerangkan definisi pengiraan *sodium*	Pengiraan *Sodium* (Poster 16)		
	17.	Menyenaraikan contoh-contoh makanan yang biasa diambil mengikut bilangan *point sodium*	Makanan Malaysia Mengikut *Point Sodium* (Poster 17)		
	18	Menyenaraikan contoh makanan berdasarkan 1 *point sodium*	Satu *Point Sodium* (Poster 18)		
	19	Memberi contoh menu dalam sehari mengikut saranan pengiraan *sodium* sebanyak 10 *point* (2000mg *sodium*)	Hidangan 2000mg *Sodium* (10 *Point*) (Poster 19)		

Rujuk Modul 2 (muka surat 13 hingga 17) dan DVD untuk poster yang telah disediakan

Bahan Pendidikan	Topik	Objektif	Isi Kandungan	Kaedah Pembelajaran / Cadangan Penggunaan	Tempoh Masa Dalam Setahun
***Slide* Pembentangan Kurangkan Garam**		• Menerangkan secara terperinci berkenaan garam seperti definisi garam, jenis-jenis garam, fungsi garam, saranan pengambilan, risiko pengambilan secara berlebihan, tren pengambilan garam terkini di serata dunia dan di kalangan anggota kesihatan dan sumber-sumber makanan tinggi garam • Pengenalan terhadap Penggunaan Pengiraan *Sodium* dalam sehari dengan mengggunakan sistem *point sodium* • Penerangan berkenaan label makanan bagi *sodium*	• Menerangkan definisi garam, jenis-jenis garam • Kandungan Natrium Klorida dalam pelbagai jenis garam • Fungsi *sodium* dalam badan • Risiko pengambilan *sodium* secara berlebihan • Saranan pengambilan *sodium* / garam dalam sehari • Purata pengambilan *sodium* di seluruh dunia • Pengambilan *sodium* di kalangan anggota kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (MySalt 2015) • Sumber makanan tinggi *sodium* / garam • Pengenalan Penggunaan Pengiraan *point sodium* • Contoh menu dalam sehari dengan 10 *point sodium* • Pelabelan *sodium* pada makanan dan minuman • Pilihan anda • Amalan tabiat makanan yang sihat	Untuk kelas / aktiviti pendidikan kesihatan (nasihat pemakanan) secara berkumpulan di hospital, klinik kesihatan komuniti, KOSPEN, KOSPEN Plus dan institusi kerajaan / pendidikan dan yang bersesuaian	1 jam untuk setiap sesi

Rujuk Modul 3 (muka surat 18) dan DVD untuk Slide Prezi dan Power Point yang telah disediakan

Bahan Pendidikan	Topik	Objektif	Isi Kandungan	Kaedah Pembelajaran / Cadangan Penggunaan	Tempoh Masa Dalam Setahun
Video Garam dan Kesihatan		• Menerangkan bagaimana strok (angin ahmar) boleh terjadi disebabkan oleh tekanan darah yang tidak terkawal • Menerangkan kaitan antara hipertensi dengan pengambilan garam secara berlebihan • Menyenaraikan contoh makanan tinggi garam • Perubahan fisiologi tubuh yang berlaku disebabkan oleh pengambilan garam yang tinggi seterusnya meningkatkan tekanan darah secara berterusan yang mengakibatkan penyakit hipertensi • Menerangkan komplikasi hipertensi seperti strok dan serangan jantung • Saranan pengambilan garam dalam sehari • Mengawal pengambilan garam dengan membaca label makanan, menghadkan pengambilan makanan tinggi garam dan pilih makanan yang rendah *sodium*. • Ketahui tekanan darah melalui ujian saringan	• Video yang berdurasi 2 minit 23 saat menerangkan mengenai kesan dan komplikasi pengambilan garam berlebihan terhadap penyakit tekanan darah tinggi • Serangan strok pada otak • Kenapa strok boleh berlaku • Makanan tinggi garam berbahaya untuk kesihatan • Contoh-contoh makanan tinggi garam • Apa akan berlaku sekiranya anda ambil garam secara berlebihan? • Garam berlebihan akan meningkatkan risiko mendapat hipertensi • Selain daripada strok, hipertensi yang tidak terkawal juga boleh menyebabkan serangan jantung • Pengambilan garam untuk dewasa dalam sehari • Kawal garam dalam makanan anda dengan membaca label makanan, kenali garam tersembunyi, pilih makanan yang kurang kandungan garam • Pastikan anda mengetahui tekanan darah anda • Kurangkan garam, cegah dan kawal hipertensi	Media sosial (*Facebook, Twitter, Instagram, Whatsapp, Youtube,* portal *Myhealth)*	5 minit untuk setiap sesi

Rujuk Modul 4 (muka surat 19) dan DVD untuk tayangan video "Garam dan Kesihatan"

Bahan Pendidikan	Topik	Objektif	Isi Kandungan	Kaedah Pembelajaran / Cadangan Penggunaan	Tempoh Masa Dalam Setahun
Video Demonstrasi Memasak #SedapTak Semestinya Masin		• Visual penyediaan hidangan makanan mengikut kuantiti garam yang telah disukat berdasarkan resipi yang telah dimodifikasi di mana ia masih mengekalkan kesedapan makanan yang disediakan dengan mengunakan bahan-bahan segar, perisa asli, rempah ratus dan herba • Dalam setiap resipi disertakan maklumat berkenaan kandungan kalori, *sodium* dan *point sodium,* protein, lemak, karbohidrat • Video ini disediakan sebagai panduan untuk penyediaan masakan yang sihat, mudah dan sedap terutamanya untuk mereka yang bekerjaya dengan menghadkan penggunaan garam dalam masakan tidak melebihi 2000mg *sodium* / sehari	Menu resipi yang disediakan adalah untuk 3 waktu makan utama (sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam) Hari pertama (4.01 minit) • Nasi Goreng Cina • Aglio Olio Ikan Bilis • Cencaru Bakar Sambal Cili Hari kedua (6 minit) • *Tropical Fruits Oatmeal* • Ikan Bakar Ala Portugis • Ayam Bersos Lemon Hari ketiga (5.07 minit) • 'Casserole' Telur • Siakap Kukus Limau Nipis • Nasi Goreng Kerabu Hari keempat (4.57 minit) • Sandwich Telur • Tomyam *Seafood* • Ayam Goreng Kunyit Hari kelima (4 minit) • Tosei Oat • Telur Bistik • Sup Makaroni Udang	Media sosial (*Facebook, Twitter, Instagram, Whatsapp, Youtube,* portal *Myhealth)* Pembelajaran berkumpulan, demonstrasi masakan sihat, program / kem kesihatan	25 minit untuk setiap sesi

Rujuk Modul 5 (muka surat 20) dan DVD untuk tayangan video demonstrasi memasak

Bahan Pendidikan	Topik	Objektif	Isi Kandungan	Kaedah Pembelajaran / Cadangan Penggunaan	Tempoh Masa Dalam Setahun
Buku Resipi Masakan #SedapTak Semestinya Masin		• Pilihan resipi yang telah dimodifikasi kandungan garam dan ia masih mengekalkan kesedapan makanan yang disediakan dengan mengunakan bahan-bahan segar, perisa asli, rempah ratus dan herba. • Dalam setiap resipi disertakan maklumat berkenaan kandungan kalori, karbohidrat, protein, lemak, *sodium* dan *point sodium*. • Disertakan juga langkah-langkah penyediaan masakan, tips memasak serta gambar hidangan makanan	Menu resipi yang disediakan adalah untuk 3 waktu makan utama (sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam) Hari pertama • Nasi Goreng Cina • Aglio Olio Ikan Bilis • Cencaru Bakar Sambal Cili Hari kedua • *Tropical Fruits Oatmeal* • Ikan Bakar Ala Portugis • Ayam Bersos Lemon Hari ketiga • 'Casserole' Telur • Siakap Kukus Limau Nipis • Nasi Goreng Kerabu Hari keempat • Sandwich Telur • Tomyam Seafood • Ayam Goreng Kunyit Hari kelima • Tosei Oat • Telur Bistik • Sup Makaroni • Udang	Pembelajaran berkumpulan, demonstrasi masakan sihat, program / kem kesihatan	30 minit untuk satu resipi

Rujuk Modul 6 (muka surat 21 untuk visual buku resipi) dan DVD untuk kandungan keseluruhan buku resepi

Booklet* Panduan Pengiraan *Sodium		*Booklet panduan* pengiraan *Sodium* disediakan sebagai panduan untuk pengiraan pengambilan *sodium* harian sewaktu penyediaan makanan dan sewaktu makan serta pemilihan sewaktu di luar. Kaedah yang digunakan akan dapat mengenalpasti kandungan *sodium* dalam makanan melalui sistem *point* di mana 1 *point* bersamaan 200mg *sodium*.	• Pengiraan *sodium* • Saranan *sodium point* dalam sehari • Contoh makanan siap dimasak dengan satu *point sodium* • Contoh makanan mengikut *point sodium* • Hidangan 2000mg *sodium* (10 *point sodium*) bagi satu hari	Hospital, klinik kesihatan, institusi kerajaan / pendidikan, kafeteria, kaunter / ruang tempat menunggu bahan pameran kesihatan pemantauan kendiri (*self monitoring*)	

Rujuk Modul 7 (muka surat 22 untuk visual booklet) dan DVD untuk kandungan keseluruhan booklet

Bahan Pendidikan	Topik	Objektif	Isi Kandungan	Kaedah Pembelajaran / Cadangan Penggunaan	Tempoh Masa Dalam Setahun
Penilaian Tahap Pengetahuan, Sikap dan Amalan *(Knowledge, Attitude and Practice*, KAP)		• **Menilai perubahan tahap pengetahuan, sikap dan amalan sebelum dan selepas intervensi dijalankan** Penilaian KAP dilaksanakan bagi menilai tahap pengetahuan, sikap dan amalan individu yang mendapat maklumat menerusi bahan pendidikan kesihatan yang digunakan. Penilaian ini dilaksanakan secara ujian sebelum dan selepas (*pre & post test*) sesi latihan. a. Bahan pendidikan kesihatan (Infografik, poster dan *slide*). borang penilaian ujian sebelum sesi latihan, penilaian meliputi tahap pengetahuan, sikap dan amalan (borang KAP 1 *pre test*). Manakala ujian selepas sesi latihan, borang penilaian meliputi pengetahuan, sikap dan amalan (borang KAP 1 *post test*). b. Bahan pendidikan kesihatan (Video dan demo memasak / buku resipi). Borang penilaian ujian sebelum sesi latihan, penilaian meliputi tahap pengetahuan, sikap dan amalan (borang KAP 2 *pre test*). Manakala ujian selepas sesi latihan penilaian meliputi pengetahuan, sikap dan amalan (KAP 2 *post test*).	**KAP 1** **A. Poster / infografik / *slides* pembentangan** i) Pengetahuan (*pre & post test*) ii) Sikap (*pre & post test*) iii) Amalan (*pre & post test*) **KAP 2** **B. Buku resipi masakan & video demonstrasi masakan** i) Pengetahuan (*pre & post test*) ii) Sikap (*pre & post test*) iii) Amalan (*pre & post test*)	Dijawab secara individu mengikut pengetahuan, sikap dan amalan masing-masing (sebelum dan selepas) terhadap perubahan KAP	15 minit untuk *pre & post test*

Rujuk Modul 8 (muka surat 23 hingga 34) dan DVD contoh-contoh borang penilaian tahap Pengetahuan, Sikap dan Amalan (KAP)

INFOGRAFIK



Panel 1

Panel 2

Panel 3

Panel 4

Panel 5

Panel 6

POSTER

Poster 1

Poster 2

Poster 3

Poster 4

Poster 5



Poster 6

Poster 7



Poster 8

Poster 9

Poster 10

Poster 11

Poster 12

Poster 13



Poster 14

Poster 15

Poster 16

Poster 17

Poster 18

Poster 19

SLIDE KURANGKAN GARAM

- *Slide Prezi* (12 visual)
- *Slide Power Point* (40 *slide*)

VIDEO GARAM DAN KESIHATAN
(Terdapat 17 visual dalam satu video)

VIDEO DEMONSTRASI MEMASAK

- Video resipi masakan untuk 5 hari
- Setiap hari terdapat 3 resipi

Resipi Hari 1

Sarapan Pagi
Nasi Goreng Cina

Makan Tengahari
Aglio Olio Ikan Bilis

Makan Malam
Ikan Cencaru Sambal Cili

Resipi Hari 2

Sarapan Pagi
Sandwich Telur

Makan Tengahari
Tom Yam Seafood

Makan Malam
Ayam Goreng Kunyit

Resipi Hari 3

Sarapan Pagi
Tropical Fruits Overnight Oatmeal

Makan Tengahari
Ikan Bakar Ala Portugis

Makan Malam
Ayam Bersos Lemon

Resipi Hari 4

Sarapan Pagi
Tosei Oat

Makan Tengahari
Telur Bistik

Makan Malam
Sup Makaroni Udang

Resipi Hari 5

Sarapan Pagi
Casserole Telur

Makan Tengahari
Ikan Siakap Kukus Limau Nipis

Makan Malam
Nasi Goreng Kerabu

MODUL 6

BUKU RESIPI

BOOKLET PANDUAN PENGIRAAN *SODIUM*



TAHAP PENGETAHUAN, SIKAP DAN AMALAN
(*KNOWLEDGE, ATTITUDE AND PRACTICE*, KAP)

KAP 1
Pre Test

BORANG PENILAIAN K-A-P PENGAMBILAN GARAM

A. POSTER / INFOGRAFIK / *SLIDES* PEMBENTANGAN

Pengetahuan

1. Garam ialah perisa makanan yang terdiri daripada 60% klorida dan 40% *sodium*.
   A. Betul B. Salah

2. Apakah saranan pengambilan garam bagi orang dewasa dalam sehari?
   A. 1 sudu makan (15gm) B. 1 sudu teh (5gm)
   C. 2 sudu teh (10gm) D. ½ sudu teh (2.5gm)
   E. Tidak Tahu

3. Berikut adalah masalah kesihatan akibat pengambilan makanan yang tinggi garam, kecuali:
   A. Hipertensi B. Strok
   C. Sakit Jantung D. Tibi
   E. Kanser

4. Pengambilan makanan tinggi garam secara berterusan akan menyebabkan bebanan jantung dan tekanan dalam salur darah meningkat?
   A. Ya B. Tidak

5. Apakah bacaan tekanan darah yang sihat?
   A. 160 / 80 B. 140 / 90
   C. 120 / 70 D. 150 / 100

6. Berikut adalah komplikasi penyakit hipertensi, kecuali?
   A. Kegagalan buah pinggang B. Strok
   C. Tuberculosis D. Kanser
   E. Kegagalan jantung

7. Kandungan *sodium* dalam garam bukit adalah jauh lebih rendah daripada garam halus?
   A. Betul B. Salah

8. Nama saintifik garam ialah:
   A. Potassium klorida B. Natrium klorida
   C. Natrium bikarbonat D. Potassium bikarbonat
   E. Tidak tahu

9. MSG dan *Baking Soda* merupakan garam yang tersembunyi.
   A. Betul B. Salah

10. Makanan berikut mengandungi garam tersembunyi, kecuali?
    A. *Pizza* B. Papadom
    C. Ikan bilis D. Mayonis
    E. Buah-buahan segar

11. Pilih tips yang betul bagi mengurangkan garam semasa memasak
    A. Tambah garam semasa memasak dengan banyak
    B. Gunakan perencah masakan yang telah diproses (bukan perencah asli)
    C. Rendamkan bahan kering seperti ikan bilis sebelum dimasak
    D. Utamakan masakan yang digoreng dan bersos
    E. Guna bahan masakan yang telah diproses

12. Berikut adalah tips kurangkan garam semasa makan, kecuali.
    A. Kunyah dengan lebih laju untuk menghayati rasa masin
    B. Lebihkan makan buah-buahan tanpa serbuk asam
    C. Jangan tambah sos / kicap tambahan dalam makanan
    D. Kurangkan menghirup kuah / sup
    E. Berhenti segera makan sekiranya makanan yang dipesan di kedai terasa lebih masin

Sekiranya menggunakan Modul 7 *Booklet* Panduan Pengiraan *Sodium*, berikut adalah soalan tambahan bagi melihat tahap pengetahuan peserta (No 13- 17)

13. *Point sodium* adalah bersamaan dengan 500mg *sodium*

A. Betul B. Salah

14. Saranan pengambilan *sodium* sehari adalah 2000mg, maka saya disarankan untuk mengambil_____*point sodium* sehari.

A. 4 B. 6 C. 8 D. 10

15. Tiga (3) sudu makan mi kuning bersamaan dengan 1-*point sodium*

A. Betul B. Salah

16. Menu 2000mg *sodium* tidak membenarkan pengambilan roti canai

A. Betul B. Salah

17. Set nasi lemak (290g) mengandungi____*point sodium*

A. 4 B. 5 C. 6 D. 7

Jawapan: 1. A 2. B 3.D 4. A 5. C 6. C 7. B 8. B 9. A 10. E 11. C 12. A 13. B 14. D 15. A 16. B 17. A

Skor Pengetahuan :
Total Markah: 17 (campur markah betul dari no 1 hingga 17)
Skor Markah: Jawapan betul dibahagi jumlah skor (17) dan didarab dengan 100
Tahap Pengetahuan Berdasarkan Skor Markah:
0 - 49.9 : Rendah, 50.0 - 79.9 : Sederhana, 80.0 - 100.0 : Tinggi

Sikap

1. Saya ambil kisah (*concerned*) mengenai jumlah garam / *sodium* dalam makanan yang saya makan.

A. Sangat setuju B. Setuju C. Tidak pasti D. Tidak setuju E. Sangat tidak setuju

2. Mengurangkan pengambilan garam dalam masakan adalah tingkah laku yang penting bagi saya.

A. Sangat setuju B. Setuju C. Tidak pasti D. Tidak setuju E. Sangat tidak setuju

3. Mengurangkan pengambilan makanan yang diproses seperti sardin, sosej, sup cendawan dan *pizza* merupakan tingkah laku yang penting bagi saya.

A. Sangat setuju B. Setuju C. Tidak pasti D. Tidak setuju E. Sangat tidak setuju

4. Pengambilan garam yang berlebihan dalam makanan boleh menyebabkan masalah kesihatan kepada saya.

A. Sangat setuju B. Setuju C. Tidak pasti D. Tidak setuju E. Sangat tidak setuju

5. Menambah kicap dan sos ke dalam makanan yang dirasakan kurang masin akan memberi kesan kepada tekanan dalam salur darah saya dan meningkat beban jantung saya.

A. Sangat setuju B. Setuju C. Tidak pasti D. Tidak setuju E. Sangat tidak setuju

Skor Sikap :
Total Markah: campur skor berdasarkan jawapan yang diberikan- A: 5 markah, B:4 markah, C:3 markah, D: 2 markah, E : 1 markah bagi soalan 1 hingga 5
Skor Markah: 1 hingga 5 (Jumlah markah di bahagi 25 dan didarab dengan 100)
Tahap Sikap Berdasarkan Skor Markah:
0 - 49.9 : Rendah, 50.0 - 79.9 : Sederhana, 80.0 - 100.0 : Tinggi

Amalan Pengambilan Garam

1. Dalam tempoh **3 bulan lepas**, berapa kerap anda menambah garam / sos / kicap ke dalam makanan yang anda makan dirasakan kurang masin?

   A. Sentiasa (>6 kali) B. Selalu (4-5 kali)
   C. Kadang-kadang (2-3 kali) D. Jarang-jarang (1-2 kali)
   E. Tidak pernah

2. Dalam tempoh **3 bulan lepas**, berapa kerap anda hadkan pengambilan garam kepada 5gm sehari.

   A. Tidak pernah B. Jarang-jarang (1-2 kali)
   C. Kadang-kadang (2-3 kali) D. Selalu (4-5 kali)
